

22 SEP 2002

Zainuddin-Gerhana

"KELANTAN DALAM GERHANA" UNTUK SEDARKAN PENDUDUK NEGERI

BATU PAHAT, 22 Sept (Bernama) -- Televisyen Malaysia menyiarkan program bersiri "Kelantan Dalam Gerhana" bertujuan menyedarkan rakyat negeri itu bahawa mereka berada di negeri yang bukan Serambi Mekah, tetapi di "serambi kemiskinan yang tiada taranya", kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata Kelantan dipilih untuk ditonjolkan dalam program itu disebabkan keadaan kemiskinan rakyat negeri itu dan mereka pula telah "digula-gulakan dan dicandui" dengan pelbagai cerita yang kononnya berkaitan dengan agama untuk melalaikan mereka daripada hakikat kemiskinan itu.

"Kita tidak memilih negeri-negeri lain kerana rakyatnya tidak digula-gulakan dengan cerita-cerita seperti kononnya jika Nabi Muhammad hidup semula, baginda akan gembira tinggal di Kelantan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Warisan Zaman dan Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Umno di sini hari ini.

Zainuddin berkata rakyat miskin di negeri lain sedar tentang hakikat kemiskinan mereka dan mempunyai harapan serta peluang untuk mengubah nasib mereka tetapi tidak bagi rakyat miskin di Kelantan.

Ini, katanya, kerana pemikiran rakyat miskin di Kelantan sudah diterapkan oleh kerajaan Pas yang memerintah bahawa "kekayaan itu jahat, orang yang kaya juga jahat dan sebarang usaha kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan mereka adalah semata-mata untuk memancing undi memenangi pilihan raya".

"Di negeri lain kerajaan dapat mengatur langkah untuk membantu rakyat yang miskin, tapi kita tidak boleh mengambil apa-apa langkah di Kelantan, sebab setiap langkah yang diambil bagi mereka dianggap satu tindakan untuk menang pilihan raya, malah bajet baru-baru inipun dianggap bajet untuk menang pilihan raya," katanya.

Zainuddin berkata program sebanyak 21 siri itu yang telahpun selesai disiarkan setiap malam, diharap akan membuka mata rakyat Kelantan tentang keadaan sebenar di negeri mereka.

Menurutnya, rakyat di negeri Terengganu yang juga diperintah oleh kerajaan Pas, telah mula sedar mengenai keadaan kehidupan mereka sekarang berbanding dengan kehidupan semasa diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Ketika berucap sebelum itu, beliau menyeru generasi muda khususnya Pemuda Umno yang menganjurkan seminar sehari itu, supaya bersyukur terhadap pelbagai nikmat yang diperolehi kerana "adanya tangan yang mampu memberi" iaitu Umno dan Barisan Nasional.

"Sebagai pemimpin pelapis, mereka perlulah berusaha memperkukuhkan bagi memastikan terus ada tangan yang mampu memberi," katanya.

Zainuddin berkata perjuangan mereka ialah ke arah memantapkan keyakinan diri bangsa Melayu yang pernah dianggap oleh pemimpin sebuah negara jiran sebagai keturunan jakun dan lanun.

Menurutnya, mereka hanya perlu memperkukuhkan usaha itu yang telahpun dilakukan dengan jayanya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui pelbagai tindakan beliau termasuk membina dan mendirikan lambang keupayaan bangsa bertaraf dunia seperti Menara Kembar Petronas dan KLIA.

-- BERNAMA

MNY MAI

